

Terma dan Syarat  
**“Kempen “Auto Billing” Kad-i Bank Islam (Debit & Kredit)”**  
**2 Januari 2020 – 31 Mac 2020**

**Tempoh Kempen**

1. Bank Islam Malaysia Berhad (**“Bank Islam”**) menganjurkan **Kempen “Auto Billing” Kad-i Bank Islam (Debit & Kredit) (“Kempen”)**. Kempen ini bermula dari **2 Januari 2020 – 31 Mac 2020 (“Tempoh Kempen”)**. Bank Islam dirujuk sebagai (**“Pihak Penganjur”**).
2. Pihak Penganjur berhak menukar atau meminda tarikh dan Tempoh Kempen sekiranya perlu.

**Kelayakan**

3. Kempen ini terbuka kepada semua Ahli Kad-i Bank Islam (Debit & Kredit) yang merupakan warganegara Malaysia berdasarkan kategori berikut:
  - a. Semua Ahli Kad Utama Kad Kredit-i Bank Islam (Visa & Mastercard) yang berumur 21 tahun dan ke atas;
  - b. Semua Ahli Kad Tambahan Kad Kredit-i Bank Islam (Visa & Mastercard) yang berumur 18 tahun dan ke atas;
  - c. Semua Ahli Kad Debit-i Bank Islam Visa yang berumur 18 tahun dan ke atas.

Selepas ini disebut sebagai (**“Ahli Kad”**).

4. Golongan individu berikut tidak layak untuk menyertai Kempen ini:
  - a) Pekerja atau kakitangan Visa & Mastercard (Tetap / Kontrak); atau
  - b) Ahli Kad yang membatalkan transaksi “Auto Billing” dalam Tempoh Kempen; atau
  - c) Ahli Kad yang menutup semua akaun dengan Bank Islam dalam Tempoh Kempen; atau
  - d) Ahli Kad pemilik tunggal Kad Debit-i Bank Islam; atau
  - e) Ahli Kad Kredit-i Bank Islam Visa Infinite Bisnes.
5. Semua transaksi akan dikawal selia oleh sistem berkomputer secara automatik. Penghantaran borang, SMS, tandatangan kreatif / slogan, dan sebagainya tidak diperlukan.

**Mekanisma Kempen dan Hadiah**

No	Kategori Kelayakan	Unit Kelayakan
1	<b>Kad Kredit-i Bank Islam (Mastercard &amp; Visa) :</b> Sebarang transaksi ‘Auto Billing’ baru untuk segmen terpilih dalam Tempoh Kempen	1 kelayakan
2	<b>Kad Debit-i Bank Islam Visa :</b> Sebarang transaksi ‘Auto Billing’ baru untuk segmen terpilih dalam Tempoh Kempen	1 kelayakan

6. "Auto Billing" dirujuk kepada arahan pembayaran dari Ahli Kad kepada pembekal perkhidmatan untuk segmen terpilih bagi pembayaran bil menggunakan Kad-i. Segmen-segmen yang terpilih adalah :
  - i. Utiliti : contoh - Astro, Syabas, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Celcom, Maxis dan sebagainya
  - ii. Insurans : contoh - Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (STMKB), Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad (STMAB), Takaful PruBSN, AIA dan sebagainya
7. Ahli Kad perlu berurusan dengan pembekal perkhidmatan segmen-segmen terpilih bagi pendaftaran servis "Auto Billing".
8. Kempen hanya terbuka kepada transaksi "Auto Billing" baharu menggunakan Kad-i Bank Islam (Debit / Kredit) dalam Tempoh Kempen dan transaksi tersebut mestilah ditunjuk di dalam penyata akaun (Kad Debit-i) dan/atau penyata Kad Kredit-i.
9. Transaksi "Auto Billing" sedia ada yang dicaj sebelum Tempoh Kempen bermula tidak layak untuk menyertai Kempen ini.
10. Ahli Kad mempunyai peluang untuk memenangi hadiah berikut :

KATEGORI KAD	HADIAH	JUMLAH PEMENANG
Kad Kredit-i Bank Islam (Mastercard & Visa)	Pulangan Tunai RM50	1,000 Pemenang
Kad Debit-i Bank Islam Visa	Pulangan Tunai RM50	1,000 Pemenang

11. Pulangan tunai maksimum setiap Ahli Kad ialah RM100 untuk setiap kategori dalam tempoh kempen.
12. Pemenang-pemenang akan dipilih melalui sistem cabutan berkomputer.
13. Pemenang akan dimaklumkan melalui panggilan telefon / SMS / surat / emel / paparan atau siaran di laman web korporat Bank Islam atau melalui mana-mana kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai, dipilih atas budi bicara mutlak Bank Islam.
14. Pulangan tunai akan didepositkan ke akaun pemenang dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh nama pemenang diumumkan.
15. Ahli Kad yang membatalkan Kad-i Bank Islam (Debit dan/atau Kredit) atau menutup semua akaun dengan Bank Islam dalam Tempoh Kempen atau selepas Tempoh Kempen (sehingga pulangan tunai dikreditkan ke dalam akaun pemenang); adalah tidak layak menerima hadiah.
16. Sebarang terma dan syarat yang tidak dipatuhi boleh menyebabkan pemenang tersingkir dari kempen, dan Ahli Kad yang lain akan dipilih sebagai pemenang.
17. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam "posting" sebenar "Auto Billing" dari Pembekal Perkhidmatan.
18. Bank Islam tidak mempunyai apa-apa tanggungjawab untuk memaklumkan kepada Ahli Kad yang layak, sekiranya pulangan tunai yang diperuntukan telah mencapai jumlah maksimum sepanjang Tempoh Kempen.

19. Contoh Kelayakan Ahli Kad :

No	Ahli Kad	Aktiviti Transaksi	Status Kelayakan
1	Puan Maryam	<p>i. Puan Maryam telah mendaftar "Auto Billing" baharu dengan Astro RM80 dan transaksi telah dibuat pada 2/1/2020 menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard.</p> <p>ii. Beliau juga telah mendaftar "Auto Billing" baharu dengan Celcom berjumlah RM150 menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam Visa dan transaksi telah dibuat pada 3/2/2020</p>	<p>Puan Maryam layak untuk satu (1) kelayakan di bawah kategori Kad Kredit-i Bank Islam kerana telah membuat transaksi dalam Tempoh Kempen.</p> <p>Puan Maryam layak mendapat satu (1) kelayakan di bawah kategori Kad Kredit-i Bank Islam kerana transaksi "Auto Billing" dibuat dalam Tempoh Kempen.</p> <p>Jumlah keseluruhan : 2 kelayakan (Kategori Kad Kredit-i Bank Islam)</p>
2	En Ahmad	<p>i. En Ahmad mendaftar "Auto Billing" baharu dengan Takaful PruBSN berjumlah RM200 menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard dan transaksi telah dibuat pada 01/01/2020.</p> <p>ii. Beliau juga telah mendaftar "Auto Billing" baharu dengan Maxis menggunakan Kad Debit-i Bank Islam Visa dan transaksi telah dibuat pada 20/2/2020</p>	<p>En Ahmad tidak layak untuk mendapat sebarang kelayakan dalam kategori Kad Kredit-i Bank Islam kerana transaksi dibuat sebelum Tarikh Kempen.</p> <p>En Ahmad layak mendapat satu (1) kelayakan untuk kategori Kad Debit-i Bank Islam Visa kerana transaksi dibuat dalam Tempoh Kempen.</p> <p>Jumlah keseluruhan : 1 kelayakan (Kategori Kad Debit-i Bank Islam Visa)</p>
3	Puan Seri	<p>i. Puan Seri telah mendaftar "Auto Billing" baharu dengan Etiqa menggunakan Kad Debit-i Bank Islam Visa dan transaksi telah dibuat pada 29/2/2020.</p>	<p>Puan Seri layak untuk satu (1) kelayakan bagi Kategori Kad Debit-i Bank Islam Visa kerana transaksi dibuat dalam Tempoh Kempen.</p>

		<p>ii. Beliau juga telah mendaftar dua (2) "Auto Billing" baharu dengan TNB RM80 dan Telekom RM120 menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam Visa dan kedua-dua transaksi telah dibuat pada 3/3/2020.</p>	<p>Puan Seri juga layak untuk dua (2) kelayakan bagi kategori Kad Kredit-i Bank Islam kerana transaksi dibuat dalam tempoh kempen.</p> <p>Jumlah keseluruhan :  1 kelayakan (kategori Kad Debit-i Bank Islam Visa)  2 kelayakan (kategori Kad Kredit-i Bank Islam)</p>
--	--	---	--

### Syarat Am

20. Ahli Kad adalah dinasihati untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat di sini sebelum mengambil bahagian di dalam mana-mana kempen dan / atau promosi kami.
21. Untuk mengambil bahagian di dalam kempen dan / atau promosi-promosi kami, Ahli Kad mestilah termasuk di dalam Kriteria Kelayakan dan memenuhi Mekanisma Kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank Islam, Ahli Kad tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam kempen atau promosi tersebut.
22. Dengan mengambil bahagian di dalam Kempen ini, Ahli Kad:
  - a) Memberi kebenaran kepada Bank Islam untuk mendedahkan maklumat peribadinya kepada penyedia perkhidmatan Bank Islam setakat mana yang perlu untuk tujuan Kempen ini;
  - b) Bersetuju untuk Bank Islam menerbitkan atau memaparkan nama-namanya atau gambar-gambar sebagai pemenang di dalam media pemasaran atau laman web korporat Bank Islam untuk tujuan Kempen ini (mana-mana yang terpakai); dan
  - c) Bersetuju dengan keputusan Bank Islam terhadap semua perkara berkaitan dengan Kempen ini, pemilihan pemenang-pemenang dan hadiah-hadiah melalui enjin cabutan umum Bank Islam adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua Ahli Kad dan tiada surat menyurat selanjutnya dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank Islam akan dilayan.
23. Bank Islam dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah-hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai (sekiranya ada) kepada jabatan berkuasa yang berkenaan lanjutan daripada penerimaan hadiah-hadiah ianya tetap dibawah tanggungjawab pemenang-pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab pemenang-pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai

tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kepada kedudukan kewangan mereka.

24. Hadiah-hadiah di dalam Kempen ini tidak termasuk kos-kos lain seperti pengangkutan melainkan kos seperti yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini (jika ada).
25. Hadiah ini (dimana berkenaan) tidak boleh ditebus atau ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai. Pemenang-pemenang hadiah mestilah menerima hadiah seperti sedia ada ("as it is") dan mengakui bahawa Bank Islam tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah berikutan harga hadiah yang berbeza di pasaran ketika pemenang-pemenang menebus / memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh Bank Islam.
26. Jika hadiah yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa juga sebab, Bank Islam di atas budi bicara mutlaknya berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi atau dengan apa jua hadiah yang Bank Islam anggap sesuai dengan memberikan notis kepada Ahli Kad sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh pengumuman pemenang dijadualkan akan dibuat oleh Bank Islam. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui cara elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank Islam mahupun di laman web korporat Bank Islam.
27. Pemenang-pemenang akan dihubungi oleh Bank Islam (seperti yang berkenaan), melalui telefon sekurang-kurangnya tiga (3) panggilan telefon kepada pemenang-pemenang bagi mengatur pemungutan penyerahan hadiah. Bank Islam akan menghubungi pemenang-pemenang melalui Nombor Telefon Bimbit, Nombor Telefon Pejabat atau Nombor Telefon Rumah sepertimana yang terdapat di dalam rekod Bank Islam. Sekiranya pemenang-pemenang gagal dihubungi, Bank Islam berhak untuk membuat cabutan lain bagi Ahli Kad yang Layak yang lain sebagai pemenang baharu. Wakil pemenang-pemenang tidak dibenarkan untuk mengambil hadiah bagi pihak mereka.
28. Pemenang-pemenang mungkin akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah atau majlis (jika ada) seumpamanya di lokasi dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Pemenang-pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbelanjaan yang timbul bagi menghadiri majlis penyampaian hadiah tersebut.
29. Sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Bank Islam akan melindungi data peribadi pelanggan-pelanggan. Dengan menyertai Kempen ini, pemenang-pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar mereka di mana-mana media mengikut budi bicara Bank Islam. Oleh yang demikian, Bank Islam berhak untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar pemenang-pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.
30. Bank Islam dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan / atau sebarang kecederaan dan / atau kehilangan ke atas nyawa dan / atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi Kempen ini dan adalah tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun samada secara langsung atau tidak langsung, ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan / atau apa-apa yang dialami oleh Ahli Kad yang Layak yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan penyertaan pelanggan dalam Kempen atau penerimaan atau semasa menggunakan Hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah dan / atau akibat daripada sebarang tindakan atau pengabaian apa juga dari Bank Islam, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab

dalam apa cara sekalipun bagi segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank Islam dalam pentadbiran dan pemprosesan Kempen ini.

31. Bank Islam berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui media elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank Islam mahupun di laman web korporat Bank Islam. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen oleh Bank Islam tidak membolehkan Ahli Kad yang menyertai Kempen ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank Islam bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa jua yang ditanggung atau dialami oleh mereka sama ada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
32. Ahli Kad adalah dinasihatkan untuk melayari laman web korporat Bank Islam dari masa ke semasa untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.
33. Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Kad Kredit-i dan Kad Debit-i. Sekiranya ada di antara terma-terma dan syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai berhubung Kempen ini.
34. Semua Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.

**Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Bank Islam atau hubungi Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan kami di 03 26 900 900 atau layari laman sesawang kami di <http://www.bankislam.com.my>**